

KHUTBAH JUMAAT

“MENSYUKURI KEMERDEKAAN TANAH AIR” (23 Julai 2021M/ 13 Zulhijjah 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :
“Mensyukuri Kemerdekaan Tanah Air”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tarikh 22 Julai 1963 adalah hari yang bersejarah bagi negeri Sarawak dalam proses peralihan ke arah kemerdekaan daripada pemerintahan British dengan tertubuhnya sebuah Kabinet Menteri yang dipimpin dan dianggotai oleh warga Sarawak. Seterusnya, pada 16 September 1963, Sarawak telah mencapai kemerdekaannya melalui Pembentukan Persekutuan Malaysia.

Kemerdekaan yang dinikmati sejak tarikh tersebut hingga kini, keamanan yang dikecapi, dan keselesaan yang kita rasai, semuanya adalah anugerah daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Pada masa yang sama juga menjadi amanah yang perlu dijaga dengan sebaik-baiknya.

Justeru, menjadi satu kewajipan ke atas kita semua untuk mensyukuri nikmat kemerdekaan ini dan menghargai segala jasa bakti dan susah payah para pejuang kemerdekaan negeri dan negara. Malah, amat penting bagi kita sebagai generasi pada masa kini dan generasi yang mewarisi kita kelak untuk mengetahui dan mengambil iktibar daripada lembaran sejarah, menyuburkan rasa cinta kepada negeri dan negara, seterusnya bersedia mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan tanah air yang kita nikmati ini. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-An'am, ayat 165:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خُلَيْفَةَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya : *Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap manusia itu memiliki kecintaan terhadap tanah airnya. Hatinya akan rindu bila berjauhan dengan tanah airnya, dan sanggup mempertahankannya ketika diserang dan sebagainya. Dengan kata lain, mencintai tanah air itu sudah menjadi fitrah manusia. Walau apa pun kelebihan yang ada di negara orang, tetap dirasakan lebih baik lagi di negeri sendiri. Bak kata pepatah “*Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri*”.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sendiri pernah menzahirkan kecintaannya kepada Mekah sebagai tempat kelahirannya. Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* meriwayatkan bahwa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((مَا أَطْيَبَ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّ إِلَيَّ، وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ، مَا سَكَنْتُ غَيْرَكَ))

Maksudnya: *Engkaulah sebaik-baik negeri, dan engkau merupakan negeri yang paling aku cintai. Seandainya kaumku tidak mengusirku dari engkau, nescaya aku tidak tinggal di negeri selainmu.*

(*Hadis riwayat Imam at-Tirmizi, katanya hadis hasan sahih raghib*)

Ini jelas menunjukkan bahwa mencintai tanah air itu adalah suatu sifat semula jadi yang ada dalam diri manusia yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Untuk mensyukuri nikmat kemerdekaan ini, maka umat Islam perlulah melakukan sekurang-kurangnya beberapa perkara asas dan penting seperti berikut :

Pertama, mengutamakan akidah yang betul dalam kehidupan.

Sesungguhnya, akidah adalah aspek yang menjadi asas benteng kekuatan diri, keluarga dan masyarakat dalam menempuh cabaran-cabaran yang mendatang. Akidah yang mantap, akan melahirkan dan menzahirkan amal perbuatan yang meliputi ibadah *umumiyah dan khususiyah*, yang diamalkan secara sempurna, menyeluruh dan berterusan. Amal ibadah ini seterusnya dihayati dalam kehidupan sebenar dengan menterjemahkan nilai-nilai taqwa, ikhlas, amanah, bertanggungjawab, jujur dan sebagainya. Nilai-nilai yang terhasil dari ibadah-ibadah ini akan membentuk individu, keluarga dan masyarakat yang kasihkan agama, bangsa dan negara.

Kedua, menjaga perpaduan, hubungan silaturrahim, berbaik sangka dan muhibbah sesama manusia. Islam menitikberatkan hubungan baik dan perpaduan sesama manusia terutama sesama Islam untuk mencapai kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Justeru, perpaduan dan persefahaman serta hormat-menghormati antara individu masyarakat yang mempunyai budaya, agama dan kaum yang berbeza adalah penting bagi menjamin kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Imam al-Ghazali *rahmatullahi alaih* di dalam kitab *Ihya' Ulumiddin* menyatakan bahawa hubungan kasih

sayang sesama manusia akan menumbuhkan cabang yang banyak, dan cabang-cabang itu pula akan membuahakan budi yang lebih banyak.

Oleh itu, memupuk persefahaman dan amalan berbaik-baik sesama semua manusia adalah tanggungjawab umat Islam dalam mengekalkan ciri-ciri keamanan, kestabilan dan kemajuan di dalam negara yang merdeka.

Ketiga, Pencapaian tahap pendidikan serta penguasaan ilmu dan teknologi yang paling terkini, sambil mendahului dunia dalam bidang-bidang tertentu, adalah sangat penting untuk mengisi kemerdekaan. Sungguhpun pihak berwajib telah memperkenalkan dan menyediakan sistem pendidikan formal yang menyeluruh dari peringkat rendah hingga ke setinggi-tingginya, namun, pendidikan yang sebenar bermula di dalam sebuah keluarga, iaitu di rumah, di kalangan jiran tetangga dan di dalam sekitar nilai dan etika masyarakat sekelilingnya.

Apabila sistem kekeluargaan, kejiranan dan kemasyarakatan tidak mampu mendidik ke arah peribadi yang mulia dan semangat yang cekat dan kental, maka generasi akan mudah menerima pengaruh cara hidup atau budaya yang negatif, sekaligus membantutkan pembinaan sahsiah dan akal budi yang kompetitif ke arah pencapaian al-Falah. Natijahnya, masyarakat akan rosak dan budaya asing akan terus menjajah akal dan jiwa anak watan khususnya golongan muda. Padahal, generasi muda adalah

harapan sebagai pemimpin dan pembina masyarakat pada masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, semua anggota masyarakat mestilah mempertahankan kemerdekaan ini dengan pengisian dan kegiatan yang mencerminkan diri sebagai warganegara yang bersih, berupaya dan berakhlak. Setiap daripada kita perlulah memahami bahawa pengisian kemerdekaan ini adalah dengan kekuatan aqidah, penghayatan syariat Islam, ilmu, akhlak, matlamat dan ikhtiar yang berterusan. Sesungguhnya, Allah *subhanahu wata'ala* telah mengurniakan hamba-hambaNya dengan banyak keupayaan dan kelebihan yang boleh dimanfaatkan. Dengan keupayaan dan kelebihan itu, maka dapatlah digembelengkan untuk mempertahankan kemerdekaan.

Marilah sama-sama kita memperkukuhkan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan RasulNya *sallallahu alaihi wasallam* serta memastikan setiap kita dan anggota masyarakat terhindar daripada perbuatan-perbuatan yang tidak berakhlak dan tidak bermoral dan yang boleh mencemarkan erti kemerdekaan yang sebenar.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Luqman, ayat 12 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنْ اشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۗ وَمَنْ كَفَرَ

فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿١١﴾

Maksudnya : *Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmat-Nya kepadamu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin menyeru kepada semua agar terus mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Masyarakat juga disaran agar segera mendaftar untuk suntikan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Semoga setiap urusan sama ada dari pihak kerajaan mahupun rakyat, dipermudahkan untuk mendapat vaksin secepatnya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاغْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.